

07 FEB 1998

Mahathir-Asean

PENDIRIAN BERSAMA ASEAN MENGENAI KRISIS MATA WANG

SINGAPURA, 7 Feb (Bernama) -- Asean akan mengambil pendirian bersama di dalam menangani isu krisis mata wang, kata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang mengadakan mesyuarat tertutup dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata, mereka bersetuju bahawa Asean perlu mengelak daripada bertindak bersendirian "kerana dengan berbuat demikian kita tidak akan mendapat kesan yang optimum."

Mengulas mengenai pertemuan yang berlangsung di Kelab Golf Sentosa itu, Dr Mahathir berkata mereka bersetuju dengan penggunaan mata wang negara masing-masing untuk kegunaan perdagangan di kalangan negara Asean dan perlunya gabenor bank pusat negara anggota bertemu untuk membincangkan pelaksanaannya.

Mengenai laporan bahawa mata wang Singapura akan digunakan sebagai mata wang rujukan untuk tujuan itu, beliau berkata "terdapat beberapa laporan, tetapi kami sedang mengkajinya."

Mengenai pertemuannya dengan Goh, Dr Mahathir berkata ia adalah sebahagian daripada rangka lawatannya ke negara-negara Asean.

Dr Mahathir baru sahaja melawat Thailand dan Filipina. Sebelum ini, beliau melawat Indonesia serta mengadakan pertemuan dengan Goh pada 20 Jan di Johor.

"Saya berjumpa Goh hanya beberapa minggu lepas dan kami telah bersetuju untuk bekerja bersama-sama," kata beliau.

"Hari ini kami membuat perbincangan secara terperinci mengenai bagaimana kita boleh bekerjasama, khususnya berhubung dengan masalah ekonomi dan krisis mata wang serta peranan yang boleh dimainkan oleh Singapura di dalam bidang pelaburan di Malaysia serta bagaimana untuk mempertingkatkan hubungan antara Malaysia dan Singapura," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka juga mencapai persetujuan mengenai beberapa isu dan perkara yang akan dibincangkan apabila Goh melawat Malaysia pada 16 Feb ini.

"Kami akan cuba mencari penyelesaian terhadap semua isu-isu itu," kata beliau.

Beliau berkata isu yang tidak dapat diselesaikan akan diketepikan dan "kami akan mencari jalan untuk menyelesaikannya kemudian." -- BERNAMA

THG MZ AKD